

## Tawau kawasan penyeludupan tertinggi di Sabah

27 Ogos 2019 8:03 PM

**TAWAU 27 Ogos** - Daerah Tawau tersenarai di tangga pertama kes penyeludupan tertinggi di Sabah.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, perkara itu berdasarkan faktor kedudukan geografi Tawau yang terletak bersempadan dengan Indonesia.

"Selain permintaan tinggi (barang subsidi) dari Indonesia, sempadan terlalu dekat setanah iaitu dengan Pulau Sebatik, Malaysia (dikenalpasti) menjadi transit kepada aktiviti penyeludupan," katanya selepas meninjau sempadan Tawau-Indonesia bersama wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, faktor permintaan tinggi serta sempadan yang dekat memberi cabaran besar kepada pasukan keselamatan menangani penyeludupan.

Jelasnya, PPM mengesan terdapat lebih 10 lorong tikus di darat digunakan untuk aktiviti penyeludupan selain empat laluan seludup di sungai.

Ujarnya, setakat Januari hingga awal Ogos ini, terdapat 70 kes tangkapan direkodkan PPM dengan nilai rampasan kira-kira RM17 juta berbanding tempoh sama tahun lepas yang mencatatkan 15 kes serta RM5 juta rampasan.

"Bekalan tong gas memasak antara banyak yang diseludup bukan setakat di Tawau tapi seluruh Sabah termasuk di Kota Kinabalu dan Kudat," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Kanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP), Aris Mamat berkata, tinjauan bersama PPM Sabah ke Sungai Melayu, hari ini sebagai persediaan bagi mesyuarat dua hala antara PPM dan KPDNHEP pada 6 hingga 8 September depan.

Jelasnya, mesyuarat itu bagi meneruskan kerjasama erat dalam membanteras ketirisan di laut barangan subsidi Malaysia ke negara jiran.

"Kita tidak ada aset di laut, jadi kita minta tolong PPM. Selain itu kita meminta bantuan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi membanteras ketirisan di laut.

"Bagi di darat, kita sendiri melakukan pemantauan di seluruh negara dan terdapat banyak kejayaan direkodkan termasuk rampasan serta menggagalkan penyelewengan cecair tong gas memasak bersubsidi," jelasnya.- BERNAMA